



## **FELDA GLOBAL VENTURES HOLDINGS BERHAD**

No. Syarikat: 800165-P  
(Ditubuhkan di Malaysia)

RINGKASAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-SEMBILAN (“KE-9”) YANG DIADAKAN DI DEWAN BANQUET 1, ARAS B2, MENARA FELDA, PLATINUM PARK, NO. 11, PERSIARAN KLCC, 50088 KUALA LUMPUR PADA HARI KHAMIS, 25 MEI 2017 PADA JAM 11.00 PAGI

---

### **1 UCAPAN ALU-ALUAN PENGERUSI**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa. Pengacara majlis memperkenalkan Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan yang hadir, kepada para hadirin. YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato’ Haji Abdul Samad, Pengerusi Lembaga Pengarah FelDA Global Ventures Holdings Berhad (“FGV” atau “Syarikat”), mempengerusikan mesyuarat. Beliau kemudian mengucapkan kata-kata aluan kepada semua hadirin di Mesyuarat Agung Tahunan FGV Ke-9.

### **2 KORUM MESYUARAT**

Pengerusi telah memaklumkan bahawa korum mesyuarat adalah mencukupi bagi menjalankan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-9 FGV selaras dengan Artikel 58 Tataurusn Pertubuhan Syarikat dan seterusnya merasmikan mesyuarat.

### **3 NOTIS MESYUARAT**

Pengerusi memaklumkan bahawa Notis untuk memanggil Mesyuarat Agung Tahunan Ke-9 FGV telah diedarkan kepada Ahli bersama dengan Laporan Integrasi Tahunan 2016 dan Pekeliling kepada pemegang saham pada 26 April 2017. Dengan persetujuan para pemegang saham yang hadir di mesyuarat, Notis untuk memanggil Mesyuarat Agung Tahunan Ke-9 FGV dianggap sebagai telah dibaca.

Pengerusi kemudian memaklumkan garis panduan pengendalian Mesyuarat Agung Tahunan Ke-9 FGV dan memaklumkan bahawa pengundian akan dijalankan secara “polling” elektronik (“e-Polling”).

Pengerusi memaklumkan bahawa proses “e-Polling” akan dimulakan selepas semua resolusi mesyuarat diselesaikan. Beliau kemudian mengisytiharkan bahawa pendaftaran akan ditutup sejurus sebelum proses “e-Polling” dimulakan bagi memberikan masa yang mencukupi untuk hadirin yang lewat hadir untuk mendaftar dan menyertai mesyuarat.

### **4 PEMBENTANGAN LAPORAN PRESTASI SYARIKAT BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

YBhg. Dato’ Zakaria Arshad selaku Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV telah meneruskan dengan pembentangan Laporan Prestasi Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

## 5 SESI SOAL JAWAB

Sebelum meneruskan agenda mesyuarat, Pengerusi telah menjemput Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan FGV, Tn. Haji Ahmad Tifli Dato' Haji Mohd Talha untuk membentangkan soalan-soalan yang telah diterima daripada Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad ("MSWG") berserta dengan jawapannya.

Pengerusi meneruskan mesyuarat dengan menjemput para pemegang saham, proksi dan wakil korporat untuk mengemukakan sebarang soalan berkaitan dengan Laporan Prestasi Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 atau sebarang soalan berkaitan dengan perniagaan Syarikat Kumpulan FGV atau sebarang soalan berkenaan mana-mana agenda atau berkenaan urusan yang akan diselesaikan di mesyuarat ini. Setelah soalan-soalan dijawab, mesyuarat diteruskan dengan agenda mesyuarat. Sesi maklum balas dan soal jawab direkodkan seperti di "Lampiran".

## 6 AGENDA MESYUARAT

Penyata Kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016 dan Laporan Para Pengarah serta Juruaudit yang berkaitan dengannya yang dibentangkan di Mesyuarat Agung Tahunan Ke-9 FGV telah diterima dan diterima pakai.

Pengerusi telah menjalankan kuasa di bawah Artikel 62 Tataurusan Pertubuhan Syarikat, dengan menuntut undian secara "polling" bagi semua resolusi seperti yang dinyatakan dalam Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-9 FGV bertarikh 26 April 2017 seperti berikut :

RESOLUSI	AGENDA
Resolusi Biasa 1	Untuk meluluskan pembayaran Dividen Akhir sebanyak 1 sen sesaham biasa, di bawah sistem satu peringkat, bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016
Resolusi Biasa 2	Untuk memilih semula Pengarah Syarikat iaitu Dato' Yahaya Abd Jabar yang bersara menurut Artikel 88 Tataurusan Pertubuhan Syarikat dan oleh kerana layak telah menawarkan diri untuk dipilih semula
Resolusi Biasa 3	Untuk memilih semula Pengarah Syarikat iaitu Datuk Dr. Omar Salim yang bersara menurut Artikel 88 Tataurusan Pertubuhan Syarikat dan oleh kerana layak telah menawarkan diri untuk dipilih semula
Resolusi Biasa 4	Untuk memilih semula Pengarah Syarikat iaitu Dato' Mohamed Suffian Awang yang bersara menurut Artikel 88 Tataurusan Pertubuhan Syarikat dan oleh kerana layak telah menawarkan diri untuk dipilih semula
Resolusi Biasa 5	Untuk meluluskan pembayaran yuran para Pengarah sebanyak RM2,937,198.17 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016
Resolusi Biasa 6	Untuk meluluskan pembayaran sebahagian yuran para Pengarah berbayar sebanyak RM957,600.00 mulai dari 1 Januari 2017 sehingga Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang berikutnya
Resolusi Biasa 7	Untuk meluluskan pembayaran faedah berbayar kepada Pengerusi Bukan Eksekutif dan para Pengarah Bukan Eksekutif untuk jumlah sehingga RM4,200,000.00 mulai dari 1 Januari 2017 sehingga Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang berikutnya
Resolusi Biasa 8	Untuk melantik semula Tetuan PricewaterhouseCoopers sebagai Juruaudit Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 dan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menetapkan imbuhan mereka

Resolusi Biasa 9	Cadangan pembaharuan mandat pemegang saham bagi urusan-urusan berulang dengan pihak berkaitan sedia ada yang berbentuk hasil atau dagangan kepada FGV dan Kumpulan syarikatnya ("Kumpulan FGV") dan cadangan mandat pemegang saham bagi urusan-urusan berulang dengan pihak berkaitan yang berbentuk hasil atau dagangan yang baharu kepada Kumpulan FGV
Resolusi Biasa 10	Pemberian kuasa kepada para Pengarah untuk memperumpukan dan menerbitkan saham menurut Seksyen 75 Akta Syarikat, 2016

Pengerusi kemudian memaklumkan bahawa pihak Setiausaha Syarikat tidak menerima sebarang notis untuk membentangkan dan membincangkan lain-lain urusan biasa untuk mesyuarat ini.

Setelah semua urusan mesyuarat selesai, Pengerusi memaklumkan bahawa mesyuarat akan diteruskan dengan memulakan pengundian secara "e-Polling" seperti yang dituntut oleh beliau.

Beliau kemudian telah mengisytiharkan bahawa pendaftaran untuk hadir ke Mesyuarat Agung Tahunan Ke-9 FGV ditutup. Setiausaha Syarikat kemudian meneruskan prosiding dengan menjelaskan prosedur-prosedur yang perlu dipatuhi bagi menjalankan undian secara "e-Polling". Setelah selesai proses "e-Polling", Setiausaha Syarikat telah menyerahkan semula prosiding kepada Pengerusi.

Pengerusi kemudian mengumumkan keputusan pengundian secara "polling" untuk semua resolusi yang telah diberikan oleh Pentadbir Poll, Symphony Share Registrars Sdn Bhd dan yang telah disahkan oleh Pemantau Bebas, Tetuan Deloitte Enterprise Risk Services Sdn Bhd seperti berikut :

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-9 FGV	SETUJU		TIDAK SETUJU	
	Jumlah Saham	%	Jumlah Saham	%
Resolusi Biasa No. 1	2,188,731,823	99.9599	878,000	0.0401
Resolusi Biasa No. 2	2,176,963,066	99.4534	11,963,657	0.5466
Resolusi Biasa No. 3	1,778,420,980	81.2463	410,505,743	18.7537
Resolusi Biasa No. 4	2,187,046,435	99.9141	1,880,288	0.0859
Resolusi Biasa No. 5	2,187,693,523	99.9721	609,500	0.0279
Resolusi Biasa No. 6	2,187,694,423	99.9722	608,600	0.0278
Resolusi Biasa No. 7	2,188,553,523	99.9726	600,500	0.0274
Resolusi Biasa No. 8	2,189,582,623	99.9987	28,000	0.0013
Resolusi Biasa No. 9	961,136,531	95.6079	44,153,000	4.3921
Resolusi Biasa No. 10	1,736,151,531	79.2904	453,458,992	20.7096

Pengerusi kemudian mengisytiharkan bahawa kesemua resolusi mesyuarat diluluskan.

## 7 PENUTUP

Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran Ahli-Ahli ke Mesyuarat Agung Tahunan Ke-9 FGV dan seterusnya mengisytiharkan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-9 FGV tamat pada jam 1.50 petang.

LAMPIRAN

FELDA GLOBAL VENTURES HOLDINGS BERHAD

No. Syarikat: 800165-P  
(Ditubuhkan di Malaysia)

Senarai Soalan dan Jawapan yang diajukan oleh pemegang saham dan proksi semasa Mesyuarat Agung Tahunan Ke-9 Felda Global Ventures Holdings Berhad ("FGV" atau "Syarikat") yang diadakan di Banquet Hall 1, Level B2, Menara Felda, Platinum Park, No. 11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur pada 25 Mei 2017 pada jam 11.00 pagi.

NO.	DIAJUKAN OLEH / DIJAWAB OLEH	SOALAN (S) DAN JAWAPAN (J)	
1.	<p>Diajukan oleh : Ms. Linnert Hoo, proksi untuk Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti ("MSWG")</p> <p>Dijawab oleh : YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad, Pengerusi</p>	<p>SI</p> <p>J1</p>	<p>Ms. Linnert Hoo menyatakan bahawa berdasarkan jawapan dari FGV kepada Soalan 1 dari MSWG di bawah tajuk Tadbir Urus Korporat dan Kemampanan seperti berikut, apakah saiz optimum komposisi Lembaga Pengarah FGV berdasarkan perniagaan semasa, pelan perniagaan masa depan dan berdasarkan syarikat-syarikat lain dalam industri yang sama?</p> <p><i>Lembaga Pengarah FGV telah mengenal pasti keperluan untuk menambah baik kepelbagaian jantina dan akan meneruskan usaha untuk mencari wakil wanita untuk menduduki kerusi Lembaga agar mencapai sekurang-kurangnya 30% wakil wanita dalam Lembaga. Lembaga Pengarah FGV akan mempertimbangkan perlantikan dua (2) atau tiga (3) Pengarah wanita dalam tempoh dua belas (12 bulan) akan datang untuk memenuhi syarat-syarat Kod Malaysia dalam Tadbir Urus Korporat 2017.</i></p> <p>Pengerusi memaklumkan bahawa jawapan dari FGV kepada Soalan 1 dari MSWG di bawah tajuk Tadbir Urus Korporat dan Kemampanan hanyalah perancangan. Beliau kemudian menyatakan Lembaga Pengarah FGV akan mempertimbangkan sebarang pelantikan Pengarah wanita untuk menduduki kerusi Lembaga untuk masa akan datang.</p>

NO.	DIAJUKAN OLEH / DIJAWAB OLEH	SOALAN (S) DAN JAWAPAN (J)	
2.	<p>Diajukan oleh : En. Ng Soo Har @ Ng Seet Kow, pemegang saham</p> <p>Dijawab oleh : YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad, Pengerusi dan YBhg. Dato' Zakaria Arshad, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan</p>	<p>S1</p> <p>J1</p>	<p>En. Ng Soo Har @ Ng Seet Kow bertanya susulan kepada perjanjian yang ditandatangani di antara Malaysia dan China baru-baru ini, apakah kesannya ke atas perniagaan FGV dalam tempoh tiga (3) hingga sepuluh (10) tahun akan datang?</p> <p>Pengerusi menjelaskan bahawa perjanjian tersebut akan membuka peluang perniagaan untuk FGV bagi menembusi pasaran China.</p> <p>Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan menambah bahawa FGV pada masa kini mengeksport minyak sawit ke China sebanyak 300,000 tan metrik setahun. Beliau berkata, dengan kerjasama ini, FGV menjangkakan kuantiti eksport bekalan minyak sawit ke China boleh meningkat antara 150,000 tan metrik sehingga 300,000 tan metrik setahun.</p>
3.	<p>Diajukan oleh : Tn. Syed Salim Syed Abu Bakar, pemegang saham</p>	<p>S1</p> <p>S2</p>	<p>Tn. Syed Salim Syed Abu Bakar merujuk kepada mukasurat 34 Laporan Integrasi Tahunan 2016 berkenaan statistik operasi. Beliau menyatakan berdasarkan graf, kadar pengeluaran dan hasil buah tandan segar ("BTS") menurun setiap tahun dari 2014 sehingga 2016. Beliau bertanya sama ada kadar penurunan BTS adalah disebabkan oleh kejadian El Nino dan La Nina semata-mata dan bertanya apakah langkah-langkah kawalan yang diambil untuk mengawal faktor-faktor cuaca ini?</p> <p>Tn. Syed Salim Syed Abu Bakar kemudian merujuk kepada mukasurat 14 Laporan Integrasi Tahunan 2016 berkenaan peningkatan pasaran minyak sayur dan lemak. Beliau menyatakan berdasarkan graf, kadar permintaan pasaran minyak sayur dan lemak nampaknya semakin meningkat di pasaran. Beliau bertanya bagaimana FGV memenuhi permintaan minyak sawit dan lemak yang semakin meningkat sedangkan pengeluaran dan hasil BTS FGV menurun.</p>

NO.	DIAJUKAN OLEH / DIJAWAB OLEH	SOALAN (S) DAN JAWAPAN (J)	
	<p>Dijawab oleh : YBhg. Dato' Zakaria Arshad, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan</p> <p>Diajukan oleh : Tn. Syed Salim Syed Abu Bakar, pemegang saham</p> <p>Dijawab oleh : YBhg. Dato' Zakaria Arshad, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan</p> <p>Diajukan oleh : Tn. Syed Salim Syed Abu Bakar, pemegang saham</p> <p>Dijawab oleh : YBhg. Dato' Zakaria Arshad, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan</p> <p>Diajukan oleh : Tn. Syed Salim Syed Abu Bakar, pemegang saham</p>	<p>J1 &amp; J2</p> <p>S3</p> <p>J3</p> <p>S4</p> <p>J4</p> <p>S5</p>	<p>Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan menjelaskan bahawa tahun 2016 merupakan tahun yang sukar bagi FGV kerana kesan El Nino. Walaubagaimanapun, beliau menyatakan bagi tahun 2017, FGV meramalkan pengeluaran BTS akan meningkat sebanyak 4.5 juta tan metrik. Beliau juga menyatakan untuk suku tahun pertama tahun ini, pengeluaran BTS telah meningkat sebanyak 3%.</p> <p>Tn. Syed Salim Syed Abu Bakar kemudian merujuk kepada mukasurat 35 Laporan Integrasi Tahunan 2016 di mana FGV mensasarkan untuk meningkatkan pengeluaran BTS kepada 6.25 juta metrik tan menjelang tahun 2020 daripada 3.91 juta metrik tan pada tahun 2016. Beliau menyatakan sasaran tersebut tidak mungkin tercapai memandangkan pengeluaran dan hasil BTS FGV menurun. Beliau bertanya bagaimana FGV dapat menjamin agar sasaran pengeluaran BTS dapat dicapai dalam masa tiga (3) tahun terdekat?</p> <p>Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan memaklumkan bahawa pihak pengurusan FGV akan memastikan bahawa sasaran untuk meningkatkan pengeluaran BTS kepada 6.25 juta metrik tan menjelang tahun 2020 akan dicapai.</p> <p>Tn. Syed Salim Syed Abu Bakar kemudian menyatakan bahawa BTS adalah perniagaan teras FGV dan mencadangkan agar jawatankuasa khusus ditubuhkan untuk memantau jumlah pengeluaran BTS dan juga memantau prestasi FGV berdasarkan sasaran/bajet.</p> <p>Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan menjelaskan bahawa FGV ada mempunyai Jawatankuasa Eksekutif FGV ("EXCO") yang memantau jumlah pengeluaran BTS dan juga memantau prestasi FGV berdasarkan sasaran/bajet untuk setiap suku tahun.</p> <p>Tn. Syed Salim Syed Abu Bakar menyatakan bahawa prestasi Syarikat adalah kurang memuaskan untuk tempoh tiga (3) tahun dari 2014 sehingga 2016. Beliau bertanya bagaimanakah Syarikat memastikan keuntungan FGV memenuhi prestasi sasaran tahunan?</p>

NO.	DIAJUKAN OLEH / DIJAWAB OLEH	SOALAN (S) DAN JAWAPAN (J)	
	Dijawab oleh : En. Mohamad Amri Sahari @ Khuzari, Ketua Sektor Gula	J5	Ketua Sektor Gula menerangkan bahawa pendapatan FGV telah meningkat sebanyak 15%, walaubagaimanapun, keuntungan FGV terjejas dengan sumbangan keuntungan yang berkurangan daripada MSM akibat kenaikan harga gula mentah melebihi 70% dan kejatuhan nilai Ringgit Malaysia melebihi 20%. Beliau juga menyatakan bahawa harga jualan gula dihadkan mengikut harga yang ditetapkan oleh Kerajaan.
4.	<p>Diajukan oleh : Pn. Aida S. Kadir, proksi Malaysian National Reinsurance Berhad</p> <p>Dijawab oleh : Pn. Koo Shuang Yen, Setiausaha Syarikat dan Tn. Haji Ahmad Tifli Dato' Haji Mohd Talha, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan</p>	<p>S1</p> <p>J1</p>	<p>Pn. Aida S. Kadir merujuk kepada mukasurat 103 Laporan Integrasi Tahunan 2016 berkenaan jumlah imbuhan para Pengarah sebanyak RM7.6 juta. Beliau menyatakan terdapat peningkatan imbuhan para Pengarah sebanyak RM1.6 juta untuk tahun 2016 berbanding tahun 2015. Beliau menyatakan jumlah imbuhan para Pengarah yang tinggi tidak sepadan dengan jumlah dividen yang menurun iaitu dari dua (2) sen pada tahun 2015 kepada satu (1) sen pada tahun 2016.</p> <p>Setiausaha Syarikat menyatakan perbandingan imbuhan para Pengarah untuk tahun 2016 dan tahun 2015 boleh dirujuk di mukasurat 222 ke 223 Laporan Integrasi Tahunan 2016. Beliau menerangkan jumlah imbuhan para Pengarah untuk Kumpulan untuk tahun 2016 sebanyak RM7.6 juta adalah lebih rendah berbanding RM9.1 juta untuk tahun 2015.</p> <p>Setiausaha Syarikat menyatakan bahawa ini adalah kerana FGV telah menyatakan semula jumlah faedah bukan kewangan untuk tahun 2015 selaras dengan pelaksanaan Akta Syarikat, 2016 di mana yuran, faedah bukan kewangan dan apa-apa faedah yang dibayar kepada para Pengarah untuk syarikat tersenarai dan subsidiarinya perlu mendapatkan kelulusan pemegang sahamnya.</p> <p>Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan menyatakan jumlah pembayaran dividen adalah berdasarkan nisbah sekurang-kurangnya 50% daripada keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti. Beliau menyatakan keuntungan Syarikat pada tahun 2016 telah terjejas teruk disebabkan oleh beberapa faktor, oleh yang demikian, jumlah dividen bagi tahun 2016 adalah kurang berbanding tahun 2015.</p>

NO.	DIAJUKAN OLEH/ DIJAWAB OLEH	SOALAN (S) DAN JAWAPAN (J)	
5.	<p>Diajukan oleh : En. Kasmuri Sukardi, pemegang saham</p> <p>Dijawab oleh : En. Palaniappan MS Swaminathan, Ketua Pegawai Operasi, Kluster Perladangan</p>	S1	<p>En. Kasmuri Sukardi bertanya berkenaan umur purata mampan pokok kelapa sawit untuk jangkamasa panjang bagi mencapai sasaran pengeluaran hasil sebanyak 4.5 juta tan metrik BTS untuk tahun 2017.</p> <p>Beliau juga bertanya berkenaan umur purata mampan pokok kelapa sawit untuk jangkamasa panjang selepas tahun 2020 setelah mengambil kira perubahan iklim dan kitaran.</p>
		J1	<p>Ketua Pegawai Operasi, Kluster Perladangan menerangkan bahawa umur purata mampan pokok kelapa sawit untuk jangkamasa panjang adalah di antara dua belas (12) sehingga tiga belas (13) tahun.</p> <p>Beliau menjelaskan apabila ladang diperolehi dari FELDA, terdapat hampir 53% pokok kelapa sawit yang berusia melebihi dua puluh lima (25) tahun. Beliau menyatakan FGV telah menjalankan proses penanaman semula pokok kelapa sawit secara agresif untuk lima belas ribu (15,000) hektar setahun, dan disebabkan itu, hasil pengeluaran BTS menurun.</p> <p>Beliau juga menyatakan bahawa faktor cuaca juga mempengaruhi kepada pengeluaran hasil BTS. Beliau menyatakan situasi yang sama telah berlaku pada tahun 1998 di mana hasil pengeluaran BTS telah menurun antara 10% sehingga 20%. Beliau menjelaskan situasi ini bukan sahaja berlaku di Malaysia tetapi juga di Indonesia, yang telah mencatatkan penurunan pengeluaran BTS sebanyak 30% sehingga 40%.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, beliau menyatakan oleh kerana proses penanaman semula pokok kelapa sawit yang dilakukan secara agresif, pihak pengurusan adalah positif bahawa FGV mungkin akan dapat mencapai sasaran pengeluaran BTS kepada 6.25 juta metrik tan menjelang tahun 2020.</p>



NO.	DIAJUKAN OLEH / DIJAWAB OLEH	SOALAN (S) DAN JAWAPAN (J)	
	<p>Diajukan oleh : En. Kasmuri Sukardi, pemegang saham</p> <p>Dijawab oleh : En. Palaniappan MS Swaminathan, Ketua Pegawai Operasi, Kluster Perladangan</p>	<p>S2</p> <p>J2</p>	<p>En. Kasmuri Sukardi juga menyatakan bahawa Malaysian Sustainable Palm Oil ("MSPO") diwajibkan untuk diterima pakai pada tahun 2019. Beliau mengambil maklum bahawa FGV merancang untuk mendapatkan pensijilan semula dari Roundtable Sustainability Palm Oil ("RSPO"). Beliau bertanya berapakah ladang FGV yang terkesan dengan RSPO dan risiko yang akan dihadapi FGV untuk diiktiraf dibawah MSPO.</p> <p>Ketua Pegawai Operasi, Kluster Perladangan menjelaskan bahawa lima puluh sembilan (59) daripada tujuh puluh dua (72) kompleks kilang telah pun menerima pakai MSPO dan menjelang akhir tahun 2017, FGV akan cuba untuk mematuhi sepenuhnya keperluan MSPO.</p>
6.	<p>Diajukan oleh : En. Daud Amatzin, pemegang saham dan bekas kakitangan FELDA</p> <p>Dijawab oleh : YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad, Pengerusi</p> <p>Diajukan oleh : En. Daud Amatzin, pemegang saham dan bekas kakitangan FELDA</p>	<p>S1</p> <p>J1</p> <p>S2</p>	<p>En. Daud Amatzin merujuk kepada mukasurat 310 dan 329 Laporan Integrasi Tahunan 2016.</p> <p>Beliau menyatakan bahawa Kanun Tanah Sarawak perlu digantikan dengan Ordinan Tanah Sarawak, Tanah Pribumi perlu digantikan dengan Hak Adat Pribumi atau Tanah Adat Pribumi, Kementerian Dalam Negeri perlu digantikan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan.</p> <p>Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada En. Daud Amatzin ke atas komen yang diberikan.</p> <p>En. Daud Amatzin merujuk kepada mukasurat 334 Laporan Integrasi Tahunan 2016 berkenaan manipulasi Penyata Kewangan yang dilakukan oleh pihak pengurusan Felda Iffco Gida Sanayi yang telah menyebabkan kerugian penipuan sebanyak RM105,884,000. Beliau bertanya apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab dalam penipuan tersebut?</p>

NO.	DIAJUKAN OLEH / DIJAWAB OLEH	SOALAN (S) DAN JAWAPAN (J)	
	<p>Dijawab oleh : YBhg. Dato' Zakaria Arshad, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan</p> <p>Diajukan oleh : En. Daud Amatzin, pemegang saham dan bekas kakitangan FELDA</p> <p>Dijawab oleh : YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad, Pengerusi</p>	<p>J2</p> <p>S3</p> <p>J3</p>	<p>Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan menyatakan laporan polis telah dibuat bagi kes kerugian penipun dan pihak pengurusan FGV dan syarikat usahasama juga telah menjalankan mesyuarat secara bulanan berkenaan hasil kes tersebut.</p> <p>Beliau menyatakan, selain itu, akauntan yang menguruskan akaun dan operasi harian Felda Iffco Gida Sanayi telah digantikan.</p> <p>Beliau turut menambah bahawa 75% daripada jumlah kerugian yang direkodkan dilindungi oleh insuran.</p> <p>En. Daud Amatzin menyatakan beliau menghargai maklumat yang dinyatakan di dalam Laporan Integrasi Tahunan 2016 versi Bahasa Melayu dan versi Bahasa Inggeris (366 mukasurat) tetapi berpendapat ianya terlalu tebal dan mencadangkan pihak pengurusan mengurangkan jumlah mukasurat sekitar 200 untuk Laporan Integrasi Tahunan akan datang.</p> <p>Beliau juga menyatakan mukasurat 32 Laporan Integrasi Tahunan 2016 perlu memaparkan pencapaian prestasi Kluster Hulu Sawit untuk tahun 2016 dan bukannya kedudukan ladang dan kilang terbaik.</p> <p>Beliau juga menyatakan mukasurat 64 Laporan Integrasi Tahunan 2016 tidak memaparkan gambar En. Palaniappan MS Swaminathan dengan baik.</p> <p>Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada En. Daud Amatzin ke atas komen-komen yang diberikan.</p>
7.	<p>Diajukan oleh : Ms. Linnert Hoo, proksi untuk Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti ("MSWG")</p>	S1	<p>Ms. Linnert Hoo mengambil maklum bahawa harga minyak kelapa sawit mentah adalah risiko utama FGV. Beliau bertanya apakah titik pulang modal (break-even point) untuk harga minyak kelapa sawit mentah dan kos pengeluaran minyak kelapa sawit mentah untuk Kluster Perladangan.</p>

NO.	DIAJUKAN OLEH / DIJAWAB OLEH	SOALAN (S) DAN JAWAPAN (J)	
	Dijawab oleh : Tn. Haji Ahmad Tifli Dato' Haji Mohd Talha, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan	J1	Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan memaklumkan bahawa kos pengeluaran minyak kelapa sawit mentah pada masa ini adalah RMI,500/MT dan mengulas bahawa kos ini dijangka akan menurun pada masa hadapan.